

Terdapat kesan lebam pada bahu, cubitan di dada lepas dihantar ke pusat terapi

Budak autisme jadi mangsa dera

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM


JOHOR BAHRU - Seorang kanak-kanak autisme mengalami lebam di badan dipercayai didera guru di sebuah pusat terapi di Skudai di sini.

Ibu mangsa yang dikenali sebagai Cik Puan Zetty berkata, dia berasa terkilan kerana anaknya, Tuan Muhammad Uwais Abrisam, 6, dihantar ke pusat itu untuk menjalani terapi, sebaliknya menjadi mangsa dera.

Zetty menghantar anak istimewa itu ke pusat terapi tersebut sejak 2019.

"Kejadian dera itu dikesan pada 7 Julai lalu selepas saya ter-nampak ada kesan lebam pada bahu kiri serta cubitan di dadanya," katanya menerusi hantaran di laman Facebook.

Menurut Zetty, kecederaan itu bukanlah pertama kali berlaku,



KESAN lebam dan cubitan pada tubuh mangsa dipercayai akibat didera guru sebuah pusat terapi di Skudai, Johor.

malah beberapa kali, namun setiap kali meminta penjelasan

daripada pihak terapi mereka mendakwa ia disebabkan aktiviti

terapi.

Pada 8 Julai lalu, wanita itu membawa anaknya ke Hospital Kulai dan doktor mengesahkan kecederaan yang dialami Tuan Muhammad Uwais adalah serius dan bukannya disebabkan aktiviti seperti yang didakwa pusat berkenaan.

Sehubungan itu, wanita tersebut membuat laporan di Balai Polis Kangkar Pulai dan kes seterusnya diserahkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara di sini.

"Polis meminta anak saya dirujuk ke Pakar Kanak-kanak di Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini. Laporan perubatan yang dikeluarkan mengesahkan anak saya didera (*alleged physical abuse*)," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Rupiah Abd.

Wahid berkata, kejadian yang menimpa kanak-kanak lelaki itu terbongkar selepas ditularkan ibunya melalui media sosial.

Menurut beliau, pihaknya sedang menjalankan siasatan dan semua pihak yang terlibat termasuk guru yang didakwa mendera mangsa telah diambil keterangan bagi membantu siasatan.

"Kanak-kanak terbabit pula dirujuk ke Hospital Kulai di sini bagi tujuan pemeriksaan dan rawatan.

"Mangsa kemudian dirujuk ke HSI bagi mendapatkan penilaian lanjut daripada pakar," katanya dalam kenyataan semalam.

Kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda RM50,000 atau kedua-duanya.